

AHAD, 22 JANUARI, 1984

## MAJUKAN SUKAN TRADISIONAL

SETIAP masyarakat yang membangun berdepan dengan masalah "penerusan dan perubahan". Dalam usaha mengejar kemajuan ekonomi, sering kedapatan warisan budaya, sama ada yang bersifat nilai-nilai hidup atau yang berbentuk benda dan bahan tontonan, tersingkir ke pinggir pentas kehidupan. Untungnya, hal ini telah lama disedari oleh para pemimpin Singapura. Kini pementasan dan persembahan budaya mendapat galakan pemerintah dan kesan senibina lama dirancang untuk dikekalkan.

Di peringkat masyarakat, pemupukan minat terhadap warisan budaya memerlukan kesungguhan. Kebanyakan orang Melayu hanya menikmati kuih-muih tradisional dalam bulan puasa. Permainan tradisional seperti layang-layang, congkak, gasing dan sebagainya, hanya dilihat dalam majlis atau pesta tertentu yang jarang menjelma. Dalam hubungan inilah ura-ura tiga buah pertubuhan sukan tradisional setempat untuk menubuhkan sebuah majlis sukan tradisional Melayu sungguh dialu-alukan.

Usaha membangkitkan minat masyarakat terhadap permainan dan sukan tradisional seperti yang diura-urakan itu masih belum terlewat. Jepun yang sering menjadi contoh bagi Singapura sendiri telah pun menggandakan usaha mempopularkan warisan budayanya setelah ia berjaya memajukan ekonominya. Malah di Hawaii, penduduk di sana mengabadikan warisan budaya mereka melalui Polynesian Cultural Center yang terurus dan tertampung secara berdikari.

Di Singapura, ura-ura ke arah ini bukanlah satu perkara baru. Ia pernah disuarakan kira-kira dua tahun yang lalu. Pada masa yang sama, usaha untuk mempopularkan semula beberapa bidang seni budaya Melayu telah juga dijalankan oleh Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu Singapura. Jika hasrat ketiga-tiga pertubuhan itu — Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Federasi Gasing Singapura (Fedegasi) dan Persekutuan Amatur Sepaktakraw Singapura (Perses) — untuk membentuk Majlis Sukan Tradisional (Massutra) menjadi kenyataan, maka harapan untuk melihat permainan dan sukan tradisional Melayu lebih digemari akan bertambah cerah.

Bagaimanapun, jika kini semangat untuk menubuhkan badan tersebut begitu bersemarak, dan matlamat baginya begitu jelas, para penganjur yang berkenaan juga harus memikirkan dengan mendalam tentang prasarana pentadbiran dan strategi pertubuhan itu. Apa yang juga perlu diatur dengan licin ialah soal mengukuhkan kewangan pertubuhan itu agar nanti jentera kegiatannya tidak terbengkalai selepas beberapa masa. Kedua-dua perkara itu harus diberi perhatian berat supaya badan yang diura-urakan itu tidak terkulai sebelum berhasil memenuhi tujuannya. Dalam pada itu pertubuhan itu kelak harus